

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

TARIKH : 12.11.2019

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PORT DIKSON) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak kerajaan telah menjalankan kajian menyeluruh terhadap masalah penyalahgunaan dadah, rasuah, pemerasan dan ugutan terhadap terhadap pekerja-pekerja asing di kalangan anggota polis seperti mana pendedahan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara pada 21 Ogos 2019 dan langkah komprehensif yang di cadangkan bagi mengatasi isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Pada tahun 2017, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA), Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard (JIPS) telah menjalankan kajian berkenaan masalah penyalahgunaan dadah di kalangan anggota polis dan telah mengenalpasti punca-punca yang mengakibatkan warga PDRM terlibat dalam penyalahgunaan dadah seperti berikut:

- (i) Masalah peribadi;
- (ii) Keinginan untuk mencuba;
- (iii) Tekanan; dan
- (iv) Tempoh masa bertugas yang panjang.

Susulan kajian tersebut, pihak polis telah mengambil beberapa langkah komprehensif bagi mengatasi gejala ini seperti berikut:

- (i) Melaksanakan program Peningkatan Integriti My Psikologi Spiritual (MyPS) Indah bagi program pemulihan yang dianjurkan oleh BAKA JIPS khusus kepada warga PDRM yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah;
- (ii) Mengeluarkan Manual Pematuhan Standard PDRM bagi memastikan pematuhan kepada semua arahan, peraturan dan undang-undang;
- (iii) Mengadakan program-program psikologi, spritual dan agama bagi warga PDRM yang mempunyai masalah disiplin atau tatatertib;
- (iv) Mengeluarkan *Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP) bagi memacu budaya organisasi berpaksikan integriti dan pematuhan standard;

SOALAN NO : 30

- (v) Mewujudkan kod etika PDRM bagi memastikan setiap tingkah laku hendaklah berasaskan nilai-nilai murni yang telah diperakukan dan diterjemahkan melalui kod etika PDRM;
- (vi) Menjalankan pemeriksaan dan *integrity testing* ke atas semua warga kerja PDRM di semua penugasan dalam pasukan bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan, arahan pentadbiran dan prosedur kerja yang berkuat kuasa serta menepati standard yang ditetapkan;
- (vii) Tidak berkompromi ke atas warga PDRM yang melakukan kesalahan tata tertib dan mengambil tindakan tegas termasuk buang kerja atau turun pangkat; dan
- (viii) Mengeluarkan *lesson learnt* bagi memberi iktibar dan pengajaran serta mengelakkan kejadian yang sama berulang dimasa akan datang.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, PDRM masih belum menjalankan kajian ke atas kesalahan rasuah dan peras ugut terhadap pekerja asing. Walau bagaimanapun, PDRM melalui BAKA telah menyediakan pelbagai program kepada golongan sasaran terutamanya pegawai dan anggota yang dikenal pasti terlibat dengan pelbagai masalah jenayah atau dadah. Program ini sepertimana langkah-langkah yang komprehensif yang telah diambil tindakan oleh JIPS.

Bagi mengelakkan perkara peras ugut ini terus berlaku, Ketua Polis Negara telah mengeluarkan Arahan pada 21 Julai 2006 iaitu Larangan Pemeriksaan Terhadap PATI bagi mengelakkan tohmahan atau pelbagai aduan yang dilemparkan ke atas pihak polis. Arahan tersebut dikecualikan semasa menjalankan operasi yang bersifat bersepadu dan terancang yang dianjurkan oleh PDRM dengan bantuan agensi kerajaan yang lain atau operasi yang dirancang dan dilaksanakan atas faktor keperluan dan arahan semasa.